



Rujukan Kami : KKM.600-16/39/1 Jld.2 (44)  
Tarikh : 5 Ogos 2019

## SEMUA OPTOMETRIS DAN JURUOPTIK BERDAFTAR

Y.Bhg. Prof./Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

### NOTIS DI BAWAH PERATURAN 4(1)(b) MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN YANG DIPILIH DALAM MAJLIS OPTIK MALAYSIA

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa empat (4) kekosongan jawatan yang dipilih dalam Majlis Optik Malaysia akan berlaku serentak seperti berikut:

(a) Di bawah seksyen 4(1)(d) – jawatan: Optometris Berdaftar

Tamat keanggotaan mulai **9 Februari 2020**

1. Azrin Esmady bin Ariffin
2. Tan Thok Chuan

(b) Di bawah seksyen 4(1)(e) – jawatan: Juruoptik Berdaftar

Tamat keanggotaan mulai **9 Februari 2020**

1. Ng Choon Lim
2. Tai Lee Pin

3. Oleh yang demikian, satu pemilihan akan diadakan pada **7 Januari 2020** untuk memilih dua anggota dari setiap seksyen bagi memenuhi kekosongan seperti berikut:


a) Di bawah seksyen 4(1)(d)

Dua (2) orang optometris berdaftar yang bermastautin di Malaysia yang hendaklah dipilih oleh optometris-optometris berdaftar yang bermastautin di Malaysia.


b) Di bawah seksyen 4(1)(e)

Dua (2) orang juruoptik berdaftar yang bermastautin di Malaysia yang hendaklah dipilih oleh juruoptik-juruoptik berdaftar yang bermastautin di Malaysia.

4. Semua orang yang hendak dicalonkan untuk mengisi kekosongan-kekosongan tersebut hendaklah terdiri dari optometris dan juruoptik berdaftar, warganegara Malaysia, bermastautin di Malaysia dan mempunyai Perakuan Pengamalan Tahunan semasa.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015



CERTIFIED TO ISO 9001:2015



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

5. Pencalonan hendaklah menggunakan **Borang 1 (Borang Penamaan Calon)** dan ditandatangani oleh dua orang optometris berdaftar (untuk calon optometris) atau dua orang juruoptik berdaftar (untuk calon juruoptik) yang mempunyai Perakuan Pengamalan Tahunan semasa masing-masing sebagai pencadang dan penyokong dan hendaklah dicatitkan dengan persetujuan bertulis (tandatangan) oleh calon berkenaan.

6. Pencalonan hendaklah dikemukakan kepada Pengurus, Majlis Optik Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 2, Blok E1, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya tidak lewat dari jam **5.00 petang 2 September 2019**. Borang penamaan calon yang dikemukakan selepas masa dan tarikh tersebut tidak akan diterima.

7. NOTIS MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN YANG DIPILIH DALAM MAJLIS OPTIK MALAYSIA boleh didapati di laman Portal Rasmi e-Warta Persekutuan ([www.federalgazette.agc.gov.my](http://www.federalgazette.agc.gov.my)).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*Saya yang menjalankan amanah,*



( DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH )

Pengerusi  
Majlis Optik Malaysia  
Kementerian Kesihatan Malaysia

**Borang 1**

(Peraturan 6)

Akta OptiK 1991

**PERATURAN-PERATURAN OPTIK 1994**

**PENAMAAN CALON BAGI JAWATAN : \*JURUOPTIK BERDAFTAR / OPTOMETRIS BERDAFTAR**

Penamaan yang diterima selepas **jam 5.00 petang 2 September 2019** tidak akan diterima oleh Pengurus Majlis Optik Malaysia.

Nama calon	Nama dan tandatangan pencadang	Nama dan tandatangan penyokong	Tandatangan calon menandakan persetujuan

\*Sila potong yang tidak berkenaan.